




**KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH**

A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak **110 kes**, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak **52,174 kes**. Satu (1) kes kematian direkodkan pada hari ini iaitu di daerah Kota Kinabalu. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat.

- 2 Pada hari ini, seramai 122 pesakit COVID-19 telah discaj / sembah dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembah 50,714 orang. Pada hari ini juga sejumlah 787 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 310 orang di hospital, 474 orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam dan tiga (3) orang lagi di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 46 orang dan 13 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Tenom bertukar dari zon jingga ke zon kuning.

- 4 Pada hari ini, tiada kluster baharu dilaporkan.
- 5 Peningkatan jumlah kes pada hari ini disumbangkan oleh satu kluster lama (Kluster Ladang Sungai Pin) yang masih aktif di Kinabatangan.
- 6 Daripada 110 kes positif COVID-19 yang dicatatkan, sebanyak 44 kes (40%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala enam (6) kes (5.5%), saringan kluster sedia ada 48 kes (43.6%), PERKESO satu (1) kes (0.9%) dan 11 kes (10%) adalah dari lain-lain kategori.
- 7 Jumlah kapasiti katil di hospital COVID-19 kekal 925 unit, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Awam berjumlah 3,913 unit dan jumlah katil di Pusat Tahanan Sementara (PTS) / Penjara pula 1,000 unit. Ini menjadikan jumlah kapasiti katil ialah 5,838 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 13.48%.
- 8 Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) Politeknik Kota Kinabalu yang dibuka pada 09 Oktober 2020, ditutup secara rasmi hari ini untuk persediaan pembukaan kolej.

B PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN DIPERKETATKAN (PKPD) DI KAMPUNG TANAH MERAH, KOTA MARUDU.

1. Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Diperketatkan (PKPD) dikuatkuasakan di Kampung Tanah Merah, Kota Marudu, Sabah bermula 23 Februari sehingga 8 Mac 2021.
2. Pengisytiharan PKPD ini adalah susulan daripada peningkatan mendadak kes Covid-19 di lokaliti berkenaan yang mencatatkan 57 kes positif hasil daripada 226 ujian saringan.
3. Perlaksanaan PKPD ini adalah untuk memudahkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melaksanakan saringan secara bersasar ke atas hampir 545 orang penduduk yang tinggal di lokaliti berkenaan dan seterusnya untuk mengawal jangkitan COVID-19 dalam komuniti.

C BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

Sehingga 22 Februari 2021, sejumlah **145,454** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan yang terkesan dibawah Program Bantuan Prihatin COVID-19 2.0.

D LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Dalam tempoh 24 jam, sebanyak 47 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 29,178 buah kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 24 buah kenderaan diarah berpatah balik. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat namun 27 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 64 hebahan melalui kereta peronda.

- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang melibatkan sebanyak 269 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 60 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan. Pada hari ini, tiada tangkapan dibuat.
- 3 Rondaan Agen Basmi COVID-19 (ABC-19) dan rondaan pemantauan pematuhan SOP peringkat komuniti oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM) dan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) telah dilaksanakan di 542 lokasi melibatkan seramai 156 anggota APM dan 103 anggota RELA.
- 4 Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di lapan (8) premis, melibatkan tiga (3) buah daerah iaitu daerah Kota Kinabalu, Semporna dan Kuala Penyu.
- 5 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Malaysia Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 100 lokasi melibatkan 17 daerah. Hebahan dibuat dalam Bahasa Melayu, Bahasa Mandarin, Bahasa Inggeris dan pelbagai bahasa etnik Sabah.
- 6 Hebahan umum turut dilaksanakan oleh Unit Promosi Kesihatan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah sebanyak 337 hebahan di seluruh Sabah.

E KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN (PKP)

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKP pada hari ini ialah **93%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

BIL	DAERAH	PERATUS
1	Sipitang	94%
2	Tenom	94%
3	Tuaran	94%
4	Penampang	94%
5	Beaufort	94%
6	Papar	94%
7	Semporna	93%
8	Kunak	93%
9	Kota Belud	93%
10	Kudat	93%
11	Beluran	93%
12	Keningau	93%
13	Kinabatangan	93%
14	Kota Marudu	93%
15	Sandakan	92%
16	Tawau	92%
17	Ranau	92%
18	Lahad Datu	92%
19	Kota Kinabalu	92%

- 2 Pihak PDRM akan mengambil tindakan tegas terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa dengan mengenakan **kompaun RM1000.00** di bawah **Akta 342 (Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988)**.

#kitajagakita #normabaharu

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
22 Februari 2021**